

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

1 Kerajaan Angkor merupakan kerajaan agraria yang kuat dan agung yang terletak di Lembah Sungai Mekong.

(a) Apakah faktor-faktor perkembangan kerajaan Angkor?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah Tasik Tonle Sap mampu menjadikan kerajaan Angkor sebagai sebuah kerajaan yang kuat?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sektor pertanian merupakan nadi terpenting dalam membangunkan ekonomi negara.

Sumber: <https://www.academia.edu/7047276>

Jelaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun lain di dunia sejak awal kemunculan Islam lagi.

(a) Jelaskan pertembungan Tamadun Islam dengan tamadun lain melalui cara berikut:

(i) Perdagangan dan perniagaan

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Hubungan diplomatik

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Penaklukan dan ketenteraan

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Pertembungan Tamadun Islam dengan tamadun lain telah menyebabkan Islam tersebar ke seluruh dunia.

Mengapakah Islam begitu mudah diterima oleh masyarakat di luar Tanah Arab?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

3 Pada awal abad ke-20, muncul persatuan-persatuan yang membincangkan pelbagai persoalan tentang bangsa Melayu.

(a) Namakan **dua** persatuan Melayu yang muncul pada awal abad ke-20.

(i)

(ii)


[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat penubuhan persatuan-persatuan di 3(a).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Gambar berikut merupakan logo pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan yang terdapat di Malaysia.



Persatuan-persatuan yang ada pada masa kini dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani dunia.

Jelaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Pada April 1941, Sistem Ahli atau *Member System* diperkenalkan oleh British sebagai mekanisme penting kepada penduduk Tanah Melayu.

Sumber : www.arkib.gov.my/web/guest/

(a) Jelaskan maksud Sistem Ahli.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Apakah manfaat pelaksanaan Sistem Ahli kepada penduduk Tanah Melayu?

Beri penjelasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Andaikan anda sebagai pemimpin hari ini, bagaimanakah anda berperanan untuk mencapai manfaat dalam 4 (b).

Beri pendapat anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.*

5 Saiz masyarakat yang bertambah besar dalam sesebuah tamadun itu boleh mendatangkan masalah sekiranya tidak ada peraturan dan sistem yang dapat mengawal segala tindakan masyarakat.

(a) Tamadun awal China mempunyai sistem perundangannya yang tersendiri.

Terangkan sistem perundangan tersebut. [4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip perundangan Rom.

“Semua manusia sama di sisi undang-undang”.

Jelaskan kebaikan prinsip tersebut. [8 markah]

(c) Undang-undang yang dibina oleh masyarakat tamadun awal telah mewujudkan kehidupan masyarakat yang sejahtera hingga kini.

Buktikan. [8 markah]

6 Hijrah adalah perpindahan Nabi Muhammad SAW serta pengikut-pengikut baginda dari kota Makkah ke kota Madinah dan telah membuka lembaran baru ke arah penyebaran agama Islam yang lebih cemerlang.

Sumber: [https:// www.mysumber.com/doa-hijrah.html](https://www.mysumber.com/doa-hijrah.html)

(a) Mengapakah berlakunya perpindahan tersebut? [4 markah]

(b) Hijrah sangat penting kepada peningkatan dan perkembangan Islam di Madinah.

Jelaskan pernyataan tersebut. [8 markah]

(c) Gambar 1 merupakan sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan tahun 2018.



Gambar 1

Sumber: <https://www.islam.gov.my/berita-semasa/32>

Sambutan Maal Hijrah mampu mewujudkan semangat bersatu padu dan menjamin keharmonian masyarakat di negara kita.

Berikan hujah anda. [8 markah]

- 7 Menjelang abad ke-15, Melaka telah menjadi pelabuhan *entrepot* dan pelabuhan *transit* bagi kapal-kapal yang berulang-alik melalui Selat Melaka.

Sumber : *Malaysia Kita, Abdul Halim bin Saad, Hj. Abdul Halim bin Ab. Rahman, halaman 113*

- (a) Mengapakah Melaka menjadi pusat persinggahan dan tumpuan pedagang? [4 markah]
- (b) Percukaian ialah salah satu aspek penting yang berlangsung seiring dengan kegiatan perdagangan.
Bagaimanakah pengurusan percukaian membantu perkembangan perdagangan di Melaka. [8 markah]
- (c) Ekonomi Islam telah mewujudkan keadilan dalam ekonomi negara.
Beri hujah anda. [8 markah]
- 8 Penjajah British telah memperkenalkan peraturan dan penggunaan tanah yang amat berbeza dengan amalan masyarakat Melayu tradisional.
- (a) Jelaskan amalan pemilikan tanah masyarakat Melayu sebelum kedatangan British. [4 markah]
- (b) Terangkan perubahan dalam peraturan serta penggunaan tanah semasa penjajahan British di Tanah Melayu. [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, mengapakah British memperkenalkan undang-undang tanah tersebut? [8 markah]
- 9 Negeri Sembilan terdiri daripada sembilan buah negeri dan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih.

Alam beraja Luak berpenghulu Suku berlembaga Anak buah berbuapak

- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan perbilangan adat tersebut. [4 markah]
- (b) Sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan dilaksanakan secara demokrasi.
Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]
- (c) Adat Perpatih di Negeri Sembilan mempunyai persamaan dengan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.
Jelaskan persamaan tersebut. [8 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 10** Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia dan mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.
- (a) Jelaskan tentang idea pembentukan Malaysia. [4 markah]
- (b) Huraikan situasi politik dalam negeri yang membawa kepada pembentukan Malaysia. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah pembentukan Malaysia mampu memelihara kestabilan dan kemakmuran negara?
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8 markah]
- 11** Dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan perkembangan dunia.
- (a) Bagaimanakah faktor-faktor berikut mempengaruhi dasar luar Malaysia?
- (i) Faktor sejarah [4 markah]
- (ii) Faktor ekonomi [4 markah]
- (b) Malaysia mula mengamalkan dasar berkecuali menjelang tahun 1970-an. Mengapakah keadaan sedemikian berlaku? [4 markah]
- (c) Hubungan berbaik-baik dengan negara luar dapat membantu meningkatkan keamanan dan kemajuan negara.
Berikan pendapat anda. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

